

# Kos batal jambatan tidak lebih tinggi

BH-17/6/2006

## Kerajaan belum tentukan jumlah pampasan: PM

Oleh Norfatimah Ahmad,  
Abdul Halim Yusof  
dan Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan jumlah kos yang akan ditanggung kerajaan kerana membatalkan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor, tidak akan lebih tinggi daripada kos jika projek itu diteruskan.

Perdana Menteri berkata, tanggapan sesetengah pihak bahawa kerajaan terpaksa menanggung kos lebih tinggi kerana membatalkan pembinaan jambatan itu berbanding jika melaksanakannya, adalah tidak berasas.

“Tak mungkin kos (membatalkan projek) menjadi lebih tinggi daripada membina jambatan itu. Bagaimana ia boleh terjadi begitu?”

“Anda cuba membuat pelbagai andaian tapi saya memastikan angka yang tepat dan ia tidak lebih daripada kos membina jambatan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan pihak tertentu bahawa

kerajaan mungkin terpaksa menanggung kos keseluruhan sehingga RM1.12 bilion berbanding RM1.11 bilion untuk membina jambatan itu.

Kos itu dikatakan merangkumi bayaran pampasan RM100 juta kepada kontraktor yang dilantik bagi pembinaan jambatan itu, Gerbang Perdana Selatan Bersepadu Sdn Bhd (GPSB) dan premium tanah RM380.99 juta kepada Kerajaan Johor.

Selain itu, kerajaan juga dikatakan perlu membayar RM470 juta bagi membina laluan penghubung lapan lorong antara Tambak Johor dengan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dan RM170 juta bagi kerja pembinaan awal.

Mengenai jumlah pampasan kepada GPSB yang sudah melakukan kerja awal pembinaan jambatan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum membuat keputusan mengenai perkara berkenaan kerana angkanya belum dapat dimuktamadkan.

Ditanya adakah bayaran pampasan RM100 juta seperti yang diminta GPSB sebelum ini akan dikurangkan, Abdullah berkata: “Bagaimana anda katakan pampasan RM100 juta kerana kita belum pun pasti lagi angkanya.”

GPSB yang dilantik membina jambatan menggantikan Tambak Johor di sebelah Malaysia, dilaporkan menuntut pampasan RM100 juta berikutan kerajaan memutuskan untuk membatalkan pelaksanaan projek itu.

Sebelum ini, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, walaupun GPSB meminta pampasan RM100 juta, kerajaan perlu membuat penilaian sebelum keputusan muktamad mengenyainya ditetapkan.

Diminta mengulas mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Perdana Menteri berkata, ia akan dilaksanakan dengan secepat

mungkin untuk mencapai matlamat pembangunan dan memenuhi Misi Nasional serta Wawasan 2020.

Abdullah juga berkata, semua pihak yang terbabit menjayakan projek dalam RMK-9 bukan saja perlu memastikan ia memberi manfaat kewangan, malah juga mesti faedah kepada seluruh rakyat.

“Pastikan bangunan yang dibina dapat berfungsi, memberi manfaat dan membawa perubahan dan kemajuan kepada kawasan di mana projek itu dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata, semua pihak dalam BN akan bekerja keras bagi memastikan pelaksanaan RMK-9 dapat dipercepatkan, tetapi mengakui walaupun sistem penyampaian sudah bertambah baik, ia perlu terus diperingkatkan.

Katanya, pelbagai projek yang sudah dikenal pasti dalam RMK-9 akan diberikan secara tender dan notis tender akan dikeluarkan secara berperingkat dari semasa ke semasa.

Sehingga ini, beberapa kementerian seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) umpamanya sudah mula mengeluarkan tender dan ini adalah antara tumpuan utama kerajaan.

### FAKTA NOMBOR

Isu pembatalan jambatan

**RM1.12b**

Kos keseluruhan pembatalan seperti didakwa pihak tertentu

**RM1.11b**

Kos membina jambatan indah